

Prestasi daya saing negara ke-23 dunia

BH 6/12/2006

IKLIM ekonomi yang baik penyumbang utama kepada peningkatan kedudukan daya saing Malaysia dalam World Competitiveness Yearbook 2006 daripada tempat ke-28 tahun lalu kepada ke-23 tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, berkata Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam tiga daripada empat faktor yang diukur bagi menentukan tahap daya saing.

Tiga faktor itu ialah kecekapan kerajaan naik dari kedudukan 26 ke 20, kecekapan perniagaan dari 25 ke 20 dan kualiti infrastruktur dari 31 ke 31.

"Malaysia hanya mencatatkan sedikit kejatuhan dari segi prestasi ekonomi iaitu dari tangga kelapan pada 2005 ke tangga ke-11 tahun ini," katanya menjawab soalan Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) pada persidangan Dewan Rakyat.

Kemerosotan kedudukan dalam prestasi ekonomi itu, katanya ekoran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar daripada 11 ke 19, kemasukan pelabur asing (10 ke 20), pertumbuhan guna tenaga (ketiga ke 21) dan pengangguran di kalangan belia (sembilan ke 21).

Bagaimanapun katanya, Malaysia berada da-

lam kelompok 10 teratas bagi kriteria penilaian prestasi ekonomi yang lain seperti eksport barangan, imbangan akaun semasa dan nisbah jumlah dagangan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan hasil pelancongan serta inflasi rendah.

"Walaupun kedudukan prestasi ekonomi kita jatuh sedikit, ia berada pada kedudukan lebih baik dengan kecekapan kerajaan, perniagaan dan kualiti infrastruktur," katanya.

Beliau berkata, usaha kerajaan membaiki sistem penyampaian mula menunjukkan hasil apabila kedudukan Malaysia dalam kriteria krenah birokrasi naik dari 25 ke 11.

“ *Malaysia berada pada kedudukan lebih baik dengan kecekapan kerajaan, perniagaan dan kualiti infrastruktur”*

**Ahmad Husni
Mohamad Hanadzlah**
Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri